

**Rosmah Hadiri Siri Pusingan Women At The Top 2012 Di Manila Bulan Depan
Bernama
5 Januari , 2012**

SINGAPURA, 5 Jan (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor akan berada di Filipina pada 23-24 Februari bagi siri pusingan Manila 'Women at the Top' 2012.

Dalam satu kenyataan, penganjurnya Arc Media Global berkata Rosmah akan menyampaikan ucapan bertajuk "Kepimpinan Dalam Persekitaran Silang Budaya" pada persidangan itu.

Rosmah memainkan peranan utama meningkatkan status dan mengambil inisiatif memperkasa wanita dalam pelbagai pertubuhan terutama dalam Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI).

Selain itu, beliau merupakan penyokong kuat berhubung kebimbangan terhadap alam sekitar seperti Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan dalam bidang akademik, sebagai Canselor pertama Universiti Industri Selangor (UNISEL).

Women at the Top 2012 merupakan saluran terbaik bagi wanita berkongsi pengalaman dan inspirasi.

Persidangan yang bertujuan untuk menonjolkan kemajuan dalam kehidupan wanita di seluruh dunia adalah mengenai usaha bagi memecah sempadan dan halangan dan menjalin hubungan di kalangan pemimpin wanita hari ini.

Persidangan itu akan disertai beberapa ahli perniagaan dan usahawan wanita terkemuka, wanita yang telah menempa nama dalam bidang teknologi maklumat, kecantikan, fesyen, musik, kesenian, sukan sains dan kerajaan.

Bertukar-tukar pendapat mengenai apa yang menjadi impian wanita dalam soal gaya hidup yang holistik akan menjadi tumpuan utama persidangan berikutan pencapaian dan kemajuan yang ditelah dicapai oleh kaum wanita.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638170>